

Gangguan seksual: Keputusan Anwar dapatkan dokumen 6 Jan.

Um- 2/12/2022 m/s:9

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam menetapkan 6 Januari tahun depan untuk keputusan permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapatkan beberapa dokumen daripada bekas pembantu penyelidikannya, Muhammed Yusoff Rawther.

Pesuruhjaya Kehakiman, Dr. John Lee Kien How @ Mohd. Johan Lee menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujahan daripada pihak terlibat pada prosiding yang dijalankan secara atas talian.

Perkara itu dimaklumkan peguam Navpreet Singh yang mewakili Ahli Parlimen Tambun tersebut ketika dihubungi media selepas tamat prosiding yang turut disertai peguam, Mahajoth Singh yang mewakili Muhammed Yusoff.

Menurut permohonan Anwar, Presiden PKR memohon mendapatkan beberapa dokumen antaranya perbualan Whatsapp antaranya dengan

Muhammed Yusoff antara September 2018 dan September 2019 serta akuan bersumpah yang dibuat oleh bekas pekerjanya itu pada November 2019.

Dokumen-dokumen tersebut dimohon atas alasan ia mengandungi 'perkara sebenar' dan 'merupakan bukti penting terhadap isu yang dipertikaikan' dalam tuntutan saman yang difailkan oleh Muhammed Yusoff.

Muhammed Yusoff memfailkan saman pada 14 Julai 2021 mendakwa menjadi mangsa serangan seksual di kediaman Anwar di Segambut, di sini pada 2 Oktober 2018.

Plaintif mendakwa akibat kejadian itu, beliau dituduh berkomplot untuk menjatuhkan dan merosakkan karier politik Anwar, selain memberi impak kepada kesihatan mentalnya kerana mendapat kritikan daripada pemimpin politik yang menyokong Anwar serta orang awam.

Oleh itu, Muhammed Yusoff menuntut ganti rugi khas, umum, teruk, teladan, faedah, kos serta relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Menurut pembelaan yang difailkan Anwar, beliau menafikan dakwaan tuduhan salah laku seksual terhadapnya yang dikaitkan dengan Muhammad Yusoff Rawther dan menyifatkan tuduhan itu "palsu dan direka".

Dalam pernyataan pembelaan dan tuntutan balas yang dikemukakan terhadap saman Yusoff, Anwar berpendapat serangan seksual yang didakwa tidak mungkin berlaku kerana beliau melayan keluarga dan rakan di kediamannya di Bukit Segambut ketika kejadian didakwa berlaku.

Anwar juga menyatakan Yusoff tidak pernah bekerja sebagai pembantu penyelidik di pejabatnya di Bukit Gasing, melainkan melaksanakan kerja sebagai sukarelawan.